

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 17 TAHUN 2020

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13 KANUN TANAH NEGARA 1965 BERKENAAN DENGAN KELULUSAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH BAGI TEMPOH TIDAK MELEBIHI LIMA BELAS (15) TAHUN BAGI PERMOHONAN YANG DIBUAT DARI 01/05/2020 SEHINGGA 30/04/2021

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 9/2020 yang bersidang pada 22/04/2020 telah membuat keputusan mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan di bawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara 1965 mulai 10/09/2020 melalui Warta Kerajaan Kelantan KN. PU.No.1098 sebagaimana yang dilampirkan bersama-sama ini bagi melaksanakan tugas-tugas berikut:

(1)	(2)	(3)
Pegawai	Peruntukan	Syarat-syarat dan sekatan-sekatan
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.	(i) Seksyen 90A, Kanun Tanah Negara 1965.	(i) Kuasa meluluskan pelanjutan tempoh pajakan tanah bagi tempoh tidak melebihi lima belas(15) tahun bagi mana-mana permohonan yang dibuat dari 1 Mei, 2020 sehingga 30hb April, 2021.

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bilangan 4/2020 dan Arahan PTG Bilangan 3/2020.

3. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Berbahagia Dato' / Yang Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3,KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.PKP.1/3/2 Jld 18

BERTARIKH : 08 November, 2020/ 22 Rabiulawal 1442H.